

TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA
HARI INTEGRITI
KEMENTERIAN KERJA RAYA
25 NOVEMBER 2015
BERTEMPAT
DI DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita masih diberi kesempatan untuk hadir bersama di majlis Sambutan Hari Integriti dan Pelancaran Rakan Integriti Kementerian Kerja Raya pada hari ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

2. Syabas dan tahniah kepada Unit Integriti KKR selaku penganjur majlis ini. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu usaha Kementerian untuk menyemarakkan semangat berintegriti di kalangan warga Kementerian khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya.

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI

Para Hadirin sekalian,

3. Sesungguhnya, Kementerian ini amat serius dalam usaha untuk membudayakan integriti dalam setiap fungsi di segenap lapisan organisasi. Pada bulan Mac tahun 2014, Kementerian telahpun menubuhkan Unit Integriti berasaskan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Unit ini bertanggungjawab untuk melapor terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian bagi memudahkan segala urusan dilaksanakan dengan lebih cepat, lancar dan teratur. Fokus utama Unit Integriti adalah untuk menzahirkan hasrat kerajaan bagi memantapkan integriti penjawat awam dengan pengamalan tadbir urus yang baik, membina kompetensi, meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan produktiviti warga kerja khususnya di Kementerian dan Jabatan serta Agensi-agensi dibawahnya.

SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN PELANCARAN RAKAN INTEGRITI KKR

4. Sejak tahun 2005, Hari Integriti Kebangsaan disambut pada 5 November setiap tahun bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia. Tarikh

ini dipilih bersempena dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai landasan ke arah pemantapan etika dan integriti masyarakat. Justeru itu, buat julung kalinya Hari Integriti Kementerian Kerja Raya diadakan pada hari ini iaitu 25 November 2015 (Rabu) dengan bertemakan “Amanah Tonggak Integriti” dan Wacana Ilmu berbentuk forum dengan tajuk yang sama.

Para hadirin sekalian,

5. Hari Integriti ini dianjurkan dengan tujuan:

- i) Memupuk kesedaran di kalangan anggota di Kementerian dan Agensi-agensi lain di bawahnya mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti;
- ii) Penglibatan dan sokongan Ketua Jabatan dan pegawai atasan melalui program Hari Integriti ini mampu memberi tanggapan yang baik dan membina imej

Kementerian ke arah mempertingkatkan sistem tadbir urus yang baik dan telus;

- iii) Memberi penjelasan mengenai isi-isu berkaitan kesalahan tata tertib dan mewujudkan kesedaran tentang norma tatakelakuan yang baik kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Agensi; dan
- iv) Memberi akses kepada warga Kementerian dan Jabatan / Agensi untuk memperoleh dan menyalurkan maklumat berkaitan isu-isu integriti dengan lebih mudah dan tepat.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

6. Selain daripada itu, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi haruslah sentiasa peka dan prihatin dengan isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Audit serta mengambil iktibar dan mempelajari daripada pengalaman-pengalaman kurang baik yang didedahkan oleh Jabatan Audit Negara. Hasil pemerhatian Unit Integriti mendapati banyak kes mempunyai kesalahan sama yang berulang.

7. Mengikut statistik kes sehingga November 2015, sebanyak 91 kes tatatertib di Kementerian Kerja Raya yang masih dalam tindakan. Sebanyak 68 kes ataupun 75% daripada jumlah kes tatatertib adalah kes pelanggaran tatakelakuan termasuk kes di bawah SPRM dan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

8. Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3, prestasi pengurusan kewangan Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi tahun kewangan 2014 berjaya mencapai 95.14 peratus dan berada pada kedudukan keempat dalam senarai 20 kementerian dalam kategori pencapaian tahap sangat baik. Kedudukan KKR dalam senarai pencapaian adalah selepas Kementerian Perdagangan Antarbangsa dan Industri (MITI), mencapai 97.99 peratus, Jabatan Perdana Menteri (97.36 peratus) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (96.95 peratus).
9. Bagi peningkatan tahap prestasi pengurusan kewangan Badan Berkanun Kewangan Persekutuan Bagi Tahun 2014 berbanding 2011 pula, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan

peningkatan sebanyak 27.16 peratus iaitu 96.88 peratus bagi tahun 2014 berbanding pencapaian 69.72 pada tahun 2011.

10. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada KKR dan LLM di atas pencapaian tersebut, semoga pencapaian prestasi sebegini dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

INISIATIF PENINGKATAN KOMPETENSI DAN INTEGRITI

11. Dengan adanya sambutan sebegini ianya dapat menyemarakkan semangat warga KKR agar berintegriti dan mengamalkan ciri-ciri keperibadian yang tinggi. Ini adalah sangat penting kerana dengan adanya integriti dan keutuhan peribadi, ia boleh menjamin keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan selari dengan seruan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan seterusnya mencapai kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.
12. Mengambil kira perubahan persekitaran kerja yang kompleks pada masa kini, dan bagi mengharungi cabaran yang mendatang maka sudah tentulah kita amat memerlukan wargakerja yang komited dalam menjalankan tugas seharian dan kreatif untuk melakukan perubahan untuk

mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

13. Untuk menjadi individu yang berintegriti, seseorang itu mesti jelas tentang apakah nilai yang dipegangnya. Bagaimanakah dapat kita pastikan bahawa sememangnya kita jelas dengan nilai yang kita pegang dan junjung selama ini? Kita boleh menentukannya setiap kali kita diperlukan untuk membuat keputusan atau menerima sesuatu yang diluar jangkaan di mana kita mesti bertindak berlandaskan ciri-ciri integriti.
14. Sebagai usaha ke arah mewujudkan warga yang berintegriti, Kementerian telah mengambil inisiatif bagi melancarkan program Rakan Integriti pada hari ini. Program ini adalah untuk mewujudkan jaringan kerjasama di antara Unit Integriti dengan Rakan Integriti bagi membangunkan warga KKR yang berkualiti unggul. Selain itu program ini juga berkonsepkan rakan membantu rakan dengan memupuk semangat nilai-nilai positif dan menolak budaya kerja tidak jujur serta berperanan sebagai Duta Integriti yang bertanggungjawab menggerakkan program-program pemantapan integriti di kalangan rakan sekerja bagi melahirkan insan yang jujur, beretika, memiliki nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh.

KESIMPULAN

15. Oleh itu, elemen-elemen amalan baik berteraskan nilai murni yang dikenalpasti dalam Pelan Integriti Nasional (PIN) seperti JUJUR, IKHLAS, BIJAKSANA, ADIL, TELUS dan SYUKUR perlu dihayati dan diamalkan oleh semua pihak, terutamanya penjawat awam.
16. Sehubungan dengan itu, integriti sewajibnya menjadi pegangan kukuh setiap daripada kita. Integriti ini bukan sahaja wajar menjadi amalan dan pakaian kita secara peribadi, sebaliknya mesti diamalkan oleh setiap individu di dalam organisasi.
17. Hal ini adalah sangat penting kerana apabila kita mempunyai kesedaran, percaya serta menjadikan integriti sebagai amalan seharian, maka akan wujudlah satu persekitaran kondusif untuk pembudayaan nilai integriti dalam organisasi kita.
18. Jika ini berlaku, impaknya amat signifikan sekali. Antara lain yang akan terhasil adalah keberkesanan dan kecekapan dalam

sistem penyampaian kita dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti organisasi kita.

PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Integriti KKR selaku penganjur dan saya yakin penganjuran majlis ini mampu menyemarakkan semangat berintegriti di kalangan warga Kementerian khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya.

Semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan oleh Allah SWT...Aamiin.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Hari Integriti KKR 2015 dan Pelancaran Rakan Integriti KKR.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.